



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 6/2012 (5 hingga 11 Februari 2012)

Pada minggu ke enam tahun 2012 iaitu bagi tempoh 5 hingga 11 Februari, sejumlah 513 kes demam denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, berbanding 545 kes dengan empat (4) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Terdapat lima (5) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Terengganu yang meningkat sebanyak 27 kes (142%), Perak 3 kes (8%), Perlis 2 kes (67%), Sabah 2 kes (20%) dan Melaka meningkat sebanyak 1 kes (7%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 11 Februari, sebanyak 2,926 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 79 kes berbanding 2,847 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011 dengan dua (2) buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes yang ketara iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 314 kes (32%) dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya 136 kes (75%). Pada tempoh yang sama, sebanyak 11 kematian akibat demam denggi dilaporkan, iaitu Selangor 6 kematian, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 3 kematian manakala N.Sembilan dan Sabah masing-masing 1 kematian.

Pada minggu ke enam, satu (1) kematian demam denggi dilaporkan dari Selangor yang melibatkan seorang wanita berusia 39 tahun yang merupakan seorang juruteknik di sebuah syarikat komunikasi. Tempat kediaman pesakit di dapati mempunyai pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 2.9%. Oleh itu, masyarakat setempat telah mengambil inisiatif menjalankan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Jentik-jentik Aedes akan menjadi nyamuk dewasa dalam tempoh 7 hari dan akan menyebarkan virus denggi sekiranya tiada aktiviti pembersihan seperti gotong-royong dijalankan dengan segera.

Sejumlah 116 lokaliti wabak denggi di 26 buah daerah dipantau di seluruh negara, meningkat 11 berbanding 105 lokaliti pada minggu sebelumnya. Tiada lokaliti hotspots dilaporkan dan sementara itu, 88,356 premis telah diperiksa dengan 1,434 premis di dapati terdapat pembiakan Aedes pada minggu lepas. Jumlah premis positif di dapati meningkat sebanyak 22% berbanding 1,173 pada minggu sebelumnya.

Masyarakat digesa supaya memastikan persekitaran dalam dan luar premis masing-masing bebas dari sebarang tempat pembiakan Aedes. Pihak KKM sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dengan memeriksa dari rumah ke rumah dan jika di jumpai bekas-bekas atau takungan mengandungi jentik-jentik Aedes, penghuni premis tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, iaitu kompaun maksima RM500. Untuk sepanjang tahun 2011 sahaja, sebanyak 13,806 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai RM6,049,679. Bagi kesalahan mahkamah, sebanyak 548 kes telah dikenakan denda sebanyak RM230,504 dan 1 kes telah dipenjarakan. Oleh itu,

masyarakat diingatkan tidak memandang ringan kepentingan menjaga kebersihan persekitaran kerana ianya boleh menghindarkan diri anda, keluarga dan jiran tetangga daripada dijangkiti demam denggi.
“TIADA AEDES, TIADA DENGGI”.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

13 Februari 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 6/2012
(5 hingga 11 Februari 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 6/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 6/2011
		Minggu 6 (5 – 11 Feb 2012)	Minggu 5 (29 Jan – 4 Feb 2012)		
1	Perlis	5	3	20	18
2	Kedah	17	27	96	81
3	P. Pinang	20	21	119	233
4	Perak	39	36	222	191
5	Selangor	230 (1)	237 (2)	1,307 (6)	993 (1)
6	WPKL & Putrajaya	49	60 (1)	318 (3)	182
7	N. Sembilan	6	7	52 (1)	76
8	Melaka	15	14	93	67
9	Johor	29	33	191	288 (3)
10	Pahang	10	20	92	164 (1)
11	Terengganu	46	19	127	149 (1)
12	Kelantan	16	30	128	125
13	Sarawak	19	28	100	193
14	Sabah	12	10 (1)	59 (1)	83
15	WP Labuan	0	0	2	4
	MALAYSIA	513 (1)	545 (4)	2,926 (11)	2,847 (6)

Nota: () Kematian